

JIRAN KITA DI LANGIT

Sejauh-jauh roket yang telah ditembakkan ke langit oleh ahli sains yang bertujuan hendak tiba ke bulan ialah dua ratus lima puluh batu tingginya. Kejayaan ini telah mendorong mereka menyediakan sebuah roket yang lain baru-baru ini, dengan harapan hendak menjejakkan kaki dengannya di bumi bulan yang gilang gemilang itu.

Ahli sains itu menegaskan bahawa pelayaran ke bintang-bintang yang mengelilingi kita harus akan berhasil dalam masa kira-kira dua puluh lima tahun lagi. Seorang ahli falak yang terkemuka telah mengarang sebuah buku bertajuk “*Penduduk Bintang-bintang*”. Ia menyebut di dalam bukunya itu bahawa perubahan telah meliputi segala kejadian yang hidup di atas muka bumi supaya bersesuaian dengan keadaan-keadaan yang mengelilingi kita, dan kerana itu maka tidak kena menurut segi mantik kalau kita menidakkan wujudnya kehidupan di dalam bintang-bintang, disebabkan kurang tekanan udara atau tinggi darjah panas, kerana harus kejadian yang ada di situ mempunyai anasir-anasir yang boleh melawan panas, sejuk, dan tekanan udara.

Penduduk Bulan

Pada masa yang lalu banyak di antara ahli-ahli falak mengatakan bulan itu sebuah bumi yang hati- tidak ada kehidupan di dalamnya. Mereka mengambil dalil atas kebenaran sangkaan yang tersebut ialah kerana pemandangan-pemandangan yang dapat dilihat di atas muka bulan tidak bergerak dan tidak kelihatan berubah walau sedikit pun dari setahun ke setahun. Tetapi alat teropong yang telah diperbuat baru-baru ini telah menunjukkan tompok-tompok kecil hitam sedang bergerak di atas muka bulan. Ahli sains mengatakan bahawa benda-benda itu ialah kejadian-kejadian hidup yang ebrgerak, sekalipun benda-benda itu- pada ghalibnya -berlainan dengan kejadian-kejadian yang terkenal kepada kita.



Harus begini pula keadaan tumbuhan-tumbuhan yang ada dalam bintang-bintang yang mengelilingi alam kita ini.

Ahli-ahli falak dahulu juga berkata bahawa selagi bulan kosong daripada udara dan air dan selagi darjat panas di dalamnya terlalu tinggi, maka kehidupan di sana adalah suatu perkara yang mustahil kalau kita membenarkan kata-kata ahli-ahli falak yang tersebut, nescaya akan bolehlah



Penduduk bintang Zuhrah menurut takhyul ahli sains. Makhhluk ini masih dalam peringkat permulaan iaitu menyerupai kumbang besar yang pernah hidup di atas muka bumi kita dalam zaman "Karbon dahulu.

Elok juga disebut dalam "Qalam" bilangan yang lalu kita telah siarkan rencanan dan gambar penduduk bintang Zuhrah berbentuk seperti manusia, gemuk bentuk dan mulutnya bermuncung. Ini menunjukkan ahli sains pun masih bertelingkah, belum ijmak?

pula penduduk bulan akan mengambil dalil bahawa bumi kita ini pun- kerana terdedah kepada tekanan udara serta angin ribut dan lain-lain yang lebih kuat berbanding dengan yang berlaku di alam mereka- tidak layak diduduki oleh makhhluk-makhhluk yang hidup!

Sebenarnya 41 peratus daripada muka bulan terlindung daripada pandangan kita. Kawasan-kawasan bulan yang dapat dilihat oleh kita melalui teropong harus tidak lain daripada tanah-tanah yang subur, dan harus juga bukit buku dan gunung ganang yang kelihatan di sana diseliputi oleh hutan-hutan tebal yang penuh dengan pokok-pokok buah-buahan dan binatang-binatang. Harus juga penduduk bulan telah mengalami tamadun yang tinggi semenjak zaman yang silam.

Bintang Utarid

Sebagaimana juga sebahagian daripada bulan sentiasa menghadap ke bumi ini, maka demikian juga sebahagian daripada bintang Utarid (Mercury) sentiasa menghadap ke arah matahari. Bahagian itu kelihatan kering kontang dan seolah-olah terbakar tidak ada kesan-kesan air di dalamnya. Bahagian yang lain pula daripada bintang itu sentiasa gelap gelita dan terlalu dingin. Di natara dua-dua bahagian itu ada suatu alur seolah-olah tali pinggang mengelilingi bintang itu. Dalam kawasan inilah ada siang malam, dan panas dingin. Harus juga ialah kawasan yang tunggal dengan diduduki oleh makhhluk-makhhluk yang hidup di dalam bintang itu.

Bintang Zuhrah

Letaknya bintang Zuhrah ini kira-kira 67 juta batu daripada matahari. Di kelilingi oleh lapisan yang tebal daripada awan dan wap iaitu menyerupai wap yang pernah meliputi bumi kita dalam peringkat yang terlalu awal daripada peringkat-peringkat perubahannya sebelum dia sejuk dahulu.

Oleh kerana sekarang telah ada kelihatan benda-benda yang hidup dalam bintang Zuhrah, maka dipercayai benda-benda itu baru dalam peringkat permulaan untuk meningkat kepada perubahan. harus telah ada di sana kejadian-kejadian permulaan menyerupai kejadian-kejadian permulaan yang telah ada di atas muka bumi kita semenjak berjuta-juta tahun. Kalau sudah betul cara hidup berubah-ubah sebagaimana perturan perubahan yang berlaku di atas muka bumi kita ini, maka makhhluk-makhhluk "bintang Zuhrah" adalah dipercayai sejenis makhhluk-makhhluk yang serupa ini banyak kedapatan di atas muka bumi ini dalam "zaman karbon" dahulu.

Bintang Marikh

Kira-kira 142 jutru batu daripada matahari: terletak pula bintang "Marikh". Ahli-ahli sains hampir-hampir sekata

bahawa bintang itu lebih tua daripada bumi kita. Keadaan di dalamnya boleh menolong mendirikan kehidupan-kehidupan makhluk, sedang lapisan udaranya sangat-sangat tipis, dan darjah panasnya pada waktu malam: banyak turunnya. Penduduk-penduduk Marikh pada ghalibnya dapat menentang hawa dingin dengan jalan-jalan yang berdasarkan ilmu pengetahuan. Mereka hidup di dalam rumah-rumah yang mengandungi alat-alat pembawa udara. Harus rumah-rumah mereka berbentuk gua di bawah tanah. Hawa dingin dan panas masa siang dan malam: sama timbangannya di situ. Harus juga di sana sudah ada jalan lalu lalang yang berselirat yang dibina di bawah tanah.

Harus juga, penduduk Marikh lebih tua tamadun dan kemajuan mereka daripada kita dan lebih tahan hidup dalam kawasan-kawasan yang terdedah kepada sekencang-kencang angin ribut atau udara panas dan dingin.

Kuasa penarik di dalam bintang Marikh sama dengan sepertiga kekuatannya yang ada di bumi kita, oleh itu maka seseorang daripada kita dapat mengeluarkan hasil tiga kali ganda di sana berbanding dengan hasil yang dapat dikeluarkan di sini dengan tenaga badan yang serupa itu juga.

Berdasarkan kepada keadaan alam di sana maka penduduk bintang Marikh tinggi-tinggi belaka, setinggi 18 kaki atau tiga kali ganda tingginya daripada kita kaum manusia penduduk bumi ini. Oleh kerana penduduk bintang Marikh lebih tua daripada kita maka mereka telah pun melumbai kita dalam cara berfikir dan membentuk tabiat mereka yang kehaiwanan. Mereka tidak pernah berperang dan berbunuh-bunuhan sama sendiri untuk merebut perkara-perkara kecil yang semata-mata terbitnya daripada perasaan tamak haloba, dan hasad dengki.

Lepas bintang Marikh kedapatan kawasan lapang yang sangat-sangat luas, seluas kira-kira 340 juta batu, penuh dengan sebilangan besar bintang-bintang kecil yang berjumlah kira-kira 50 ribu buah ukuran besar tiap-tiap sebuah ada yang sampai rarus-ratus batu dan ada pula yang terlalu kecil.

Kuasa penarik dalam bintang-bintang kecil ini sangat-sangat lemah, sehinggakan seseorang yang berat tubuhnya kira-kira 70 Kilo, adalah beratnya di sana hanya beberapa tahl sahaja. Kiranya seseorang di sana cuba hendak membunuh diri. Lalu membuang dirinya dari kemuncak gunung, nescaya dia akan tinggal terkapai-kapai di awang-awang beberapa lama sambil jatuh ke bawah perlahan-lahan sehingga jejak di bumi dengan selamatnya.

Sesudah bintang-bintang kecil tersebut, tibalah pula kekuasaan bintang-bintang besar seperti al-Mushtary (Jupiter), Zuhal (Saturn), Uranus (Uranus), dan Neptune (Neptune) iaitu menurut susunan jauhnya dari matahari. Ahli-ahli sains percaya bahawa tiap-tiap sebuah bintang yang tersebut mengandungi tiga lapisan: lapis yang pertama dari sebelah dalam yang

(sambungan pada muka 27)



Penduduk bintang "Pluto" menurut tahyul ahli sains. Kejadian makhluk yang pelik ini-kata mereka-sesuai dengan keadaan alam di sana yang sentiasa gelap gelita.